

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

YFP 303 - Penerbitan Televisyen II

Masa: [3 jam]

---

Jawab soalan satu (1) dan empat (4) lagi soalan, sumbangan setiap soalan adalah 20 markah.

1. "Within the studio, live presentation has its limits. Imperfections cannot be remedied, so standards normally average below the optimum. But, because artistes and crew are tensed for their once only performance, standards may, paradoxically, prove higher than filmed "cold". Limitations of space, settings, mechanics, and rehearsal time, are all restrictive". (Gerald Millerson in The Technique of Television Production)

Terjemahan: "Di dalam studio, persembahan secara langsung mempunyai batasannya. Kesilapan tidak boleh diperbaiki; dengan itu mutunya adalah kurang daripada optimumnya. Tetapi, sebaliknya, oleh kerana artis-artis dan kru studio berasa geletar atas prestasi mereka yang berpeluang sekali sahaja, mutu prestasi mereka mungkin lebih meningkat daripada sesuatu rakaman. Had-had ruang, set latar, alat-alat dan masa raptai semuanya mengongkongan." (Gerald Millerson di dalam The Technique of Television Production)

Merujuk kepada kenyataan di atas, ulaskan kejayaan ataupun kekurangan penerbitan studio kumpulan anda (semester I), dan beri cadangan-cadangan bagaimanakah penerbitan tersebut boleh ditingkatkan mutunya sekiranya anda diberi peluang sekali lagi.

(20 markah)

2. Apabila kita menyunting bahan video untuk satu dokumentari (Laporan Khas) kita menggunakan sama ada kaedah "assembly" atau kaedah "insert". Biasanya dua-dua kaedah ini dicampurkan juga. Merujuk kepada penerbitan Laporan Khas video anda huraikan bagaimanakah ia dapat membantu di dalam kekuatan ataupun kelemahan Laporan Khas anda pada akhirnya.  
(20 markah)
3. a) Huraikan apakah perbezaan-perbezaan ketara di antara penulisan berita dan penulisan ulasan berita.  
b) Huraikan apakah asas-asas pemilihan butir-butir berita untuk dimasukkan di dalam siaran berita (5 minit) untuk TV USM.  
c) Huraikan apakah asas-asas pemilihan tajuk-tajuk untuk ulasan berita (5 minit) untuk TV USM.  
(20 markah)
4. Mengapakah temuramah berskrip ("scripted interview") tidak digalakkan di dalam televisyen? Sebaliknya apakah cara-cara untuk menjadikan temuramah itu bersifat semulajadi dan hidup?  
(20 markah)
5. Adalah dituduhkan bahawa rancangan-ancangan televisyen yang diimport daripada negara-negara Barat membawa pengaruh-pengaruh buruk kepada penonton di Malaysia. Bincangkan tuduhan ini dengan menggunakan rancangan-ancangan yang sedang ditayangkan oleh RTM dan TV3 sebagai contoh. Anda boleh juga mengadakan perbincangan anda kepada satu rancangan yang disiarkan baru-baru ini melalui yang mana-mana pertubuhan televisyen di Malaysia.  
(20 markah)
6. Satu daripada matlamat-matlamat RTM adalah seperti berikut:  
"Menggalakkan perhatian rakyat dan cara mereka berfikir untuk melahirkan perubahan sikap yang positif sejajar dengan kehendak dan dasar kerajaan."  
Pada pendapat anda apakah makna matlamat ini dan adakah RTM mencapai kejayaan di dalam matlamat ini hingga sekarang?  
(20 markah)